

BAB KE TIGA

ANALISIS TASYBIH DALAM SURAH AL-BAQARAH

3.0 Pendahuluan

Tasybih seperti yang telah dijelaskan dalam bab kedua ialah satu ungkapan yang di reka khas bagi menyatakan sesuatu maksud tidak dengan bahasa yang mudah tetapi dilahirkan dalam bahasa yang halus dan indah dengan perumpamaan dan bandingan. Di dalam surah al-Baqarah terdapat lima belas ayat yang mengandungi tasybih. Tasybih tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian atau jenis. Berikut akan dinyatakan bahagian-bahagian tasybih dan diikuti pula dengan ayat-ayat dari surah Al-Baqarah yang terdapat tasybih di dalamnya..

3.1 Ayat – Ayat Tasybih Dalam Surah Al – Baqarah

Di dalam bab ini dinyatakan ayat-ayat al-Qur'an dari surah al-Baqarah dengan melihat dari aspek bahasa yang berkaitan dengan balaghah; khususnya tasybih dan bahagian-bahagiannya seperti yang telah dibincangkan dalam bab ke dua. Tasybih menepati dalam bahasa Melayu sebagai gaya bahasa kiasan dalam bentuk perbandingan, simile, metafora, personifikasi, hiperbola dan paradoks.

Sungguh pun surah l-Baqarah mengandung dua ratus lapan puluh enam ayat, namun setelah diteliti dari aspek balaghah, hanya terdapat lima belas ayat dari surah al-Baqarah yang mengandung tasybih. Di bawah ini di nyatakan ayat-ayat tersebut dengan huraian dan analisis tasybih mengikut unsur-unsurnya.

3.1.1 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 17



Ertinya : Perbandingan hal mereka (golongan yang munafiq itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkanNya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).(Tafsir Pimpinan Rahman : 1988 : 12).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :



(bandingan mereka, seperti orang yang menyalakan api)

Analisis Tasybih :


Musyabbah : (mereka, iaitu orang munafik)

Musyabbah bih :

Syed Qutb (1989 : 155 – 156) menyatakan katanya : Pada mulanya orang-orang munafiq itu tidak menolak hidayat, (tidak menutup telinga mereka daripada mendengar dakwah, tidak menutup mata mereka daripada melihat kebenaran dan tidak menutup hati mereka daripada berfikir dan memahami Islam), tidak sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang kafir yang memusuhi Islam. Tetapi akhirnya setelah mereka memeriksa dan meneliti, mereka memilih kesesatan dari hidayat. Mereka laksana orang yang menghidupkan api untuk mendapatkan cahaya, apabila cahaya api itu menerangi mereka, mereka tidak mahu mengambil faedah darinya, sedangkan dahulunya mereka mencari-cari cahaya tersebut. Diwaktu inilah Allah padamkan atau hapuskan cahaya yang dicari dan yang telah menerangi mereka itu. Akibatnya atau balasannya, jadilah mereka (orang-orang munafiq) seperti orang yang berada dalam gelap gelita, tidak dapat melihat sesuatu apa pun, bermakna tidak lagi mendapat hidayat dari Allah S.W.T.


Muhammad ‘Ali al-Sa:buniy (1981 : 37) menyatakan perbandingan mereka (orang-orang munafiq) pada sifat munafiq mereka itu dan keadaan mereka yang menghairankan itu, ialah sama seperti keadaan orang yang menyalakan api untuk mendapat faedah dari cahaya api itu, iaitu terang, selesa dan tenang, tetapi oleh kerana kemunafiqan mereka itu, tiba-tiba api itu padam. Allah hilangkan cahaya dari mereka, iaitu Allah padamkan cahaya (hidayat) itu serentak, tinggalah mereka dalam gelap pekat, tak tentu hala dan tak dapat petunjuk.

3.1.2 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 18




Ertinya : Mereka seolah-olah orang yang pekak, bisu dan buta, dengan sebab itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran). (Tafsir Pimpinan al- Rahman. 1988 : 12).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :



Analisis Tasybih

Musyabbah : (mereka, merujuk kepada ayat sebelum ini, iaitu orang munafiq)

Musyabbah bih :  (buta, bisu, pekak)

Ada tasybih : _ (tiada)

Wajh syabah : _ (tiada)

Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih Baligh*” sebab tidak dinyatakan *adat tasybih* dan *wajh syabah*nya.

Ayat ini bermaksud : “Mereka (orang- orang munafiq) seperti orang pekak sebab tak


dapat mendengar perkara yang baik, seperti orang bisu sebab tidak menurur perkara-perkara yang telah memana'atkan mereka, seperti orang buta sebab tidak melihat petunjuk dan tidak mahu mengikut jalan Allah. Mereka tidak mahu kembali ke jalan yang telah menyelamatkan mereka dari kesesatan dan tidak dapat petunjuk”.

(Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niy : 1981 : 37)

Syed Qutb, (1989 : 156) dalam terjemahan Yusof Zaki Hj. Yaaqub, Fi Dzilal al-Qur‘an. menyatakan “Telinga, lidah, dan mata”, yang dijadikan untuk menerima gema, bunyi, cahaya dan untuk mengambil faedah dari hidayat dan taufiq. Tetapi mereka (orang munafiq) mensia-siakan telinga mereka menjadi seperti orang pekak, mereka mensia-siakan lidah mereka lalu mereka menjadi seperti orang bisu, mereka mensia-siakan mata mereka lalu mereka menjadi seperti orang buta; oleh kerana itu mereka tidak dapat kembali kepada kebenaran dan tidak dapat menemui hidayat.”


Maksud yang dapat difahami ialah orang munafiq itu seperti orang pekak, kerana tidak mahu mendengar kebaikan, seperti orang bisu, kerana tidak mahu berkata-kata tentang kebesaran Allah, dan manfaat yang mereka terima, dan seperti orang buta, sebab mereka tidak dapat melihat petunjuk dan jalan yang benar. Mereka tidak mahu menggunakan pancaindera mereka itu untuk melihat tanda-tanda kekuasaan Allah dan beriman kepada Allah. Allah umpamakan mereka seperti orang pekak, bisu dan buta, walaupun pancaindera mereka tidak cacat. Dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran) sedangkan mereka mengetahuinya.

3.1.3 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 19



Ertinya : Atau (bandingannya) seperti orang-orang yang ditimpa (hujan lebat) dari langit, bersama dengan gelap gelita dan guruh serta kilat, mereka menyumbat jari mereka ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas) sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang kafir itu. (Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 12).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :



(seperti orang yang ditimpa (hujan lebat)dari langit, bersama gelap gelita dan guruh serta kilat)

Analisis Tasybih

Musyabbah : (atau, bermaksud mereka orang-orang munafiq)

Musyabbah bih :  (orang yang ditimpa dari langit,

hujan lebat, bersama gelap gelita

dan guruh serta kilat)

Adat al-tasybih : (seperti)

Wajh syabah : (kegelapan, petir dan kilat)

Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih Tamthil*” kerana *wajh syabah*nya berbagai-bagai gambaran


Keterangan Ayat :

Satu lagi perbandingan yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. terhadap orang-orang munafiq ialah keadaan mereka, ketika mendengar ayat-ayat yang mengandungi peringatan, adalah seperti orang yang ditimpa dari langit (hujan lebat) yang disertai gelap, guruh, petir dan kilat. Mereka menyumbat telinga mereka kerana tidak sanggup mendengar peringatan-peringatan al-Qur‘an itu. Dengan gambaran keadaan kegelisahan, kebingungan, ketakutan dan keraguan yang berkecamuk di dalam hati mereka itu, umpama satu kumpulan manusia yang ditimpa hujan lebat, bumi gelap, langit dilitupi awan hitam gelap pekat beserta dengan guruh, petir dan kilat sabung menyabung, mereka sumbat telinga-telinga mereka dengan hujung jari-jari mereka untuk menahan daripada bunyi dentuman petir yang amat dahsyat dan menakutkan itu seolah-olah dengan berbuat demikian akan melegakan perasaan mereka dari takut mati disebabkan petir yang membinasakan itu.

Soenarjo S.H. (1971 : 11) menjelaskan mala petaka dan bala yang turun dari langit tidak siapa pun dapat menahannya, hujan lebat yang menggelapkan bumi, disertai dengan petir berdentum dan kilat sabung menyabung; sangat menakutkan. Tidak dapat diredakan dengan menyumbatkan anak jari ke dalam lubang telinga. Dan dengan berbuat demikian mereka juga tidak akan dapat melepaskan diri daripada takut mati. Allah S.W.T. sahaja yang dapat menentukannya.

Muhammad Ali al-Sa:buniyy (1981 : 39) menerangkan Allah umpamakan Islam dengan hujan, kerana hati-hati akan hidup dengan sebab pancaran Islam sebagaimana bumi akan hidup disebabkan air hujan. Dan perumpamaan keraguan orang kafir itu dengan kegelapan. Serta janji baik dan jahat seperti yang disebutkan dalam al-Qur'an itu dengan kilat dan petir.

3.1.4 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 74 :




Ertinya : Kemudian sesudah itu hati kamu juga menjadi keras seperti batu bahkan lebih

keras lagi. Pada hal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya, dan ada pula yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah, sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.

(Tafsir Pimpinan al- Rahman : 1988 :).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :



(selepas itu keras hati-hati kamu seperti batu bahkan tersangat keras)

Analisis Tasybih

Musyabbah : (dia, maksudnya hati-hati mereka)

Musyabbah bih : (batu)

Adat tasybih : (seperti)

Wajh syabah : - (tiada)

Tasybih di atas dinamakan *Tasybih Mursal* kerana ada *adat tasybihnya*. Dan dinamakan juga *tasybih mujmal* kerana tidak disebut *wajh al- syabahnya*. Mohammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981: 69) menamakan tasybih ini sebagai “*Tasybih Mursal Mujmal*”.

Keterangan ayat :

Hati mereka (musyrikin) yang keras, degil dibandingkan dengan batu dan sebenarnya hati mereka itu lebih kering dan lebih keras lagi daripada batu (batu yang dibandingkan dalam ayat ini) ialah batu yang pernah diketahui mereka sebelum ini, kerana mereka pernah melihat batu keras di dua belah laluan mata air dan mereka juga melihat batu-batu bukit yang bergegar apabila Allah Taala berada di Bukit itu dan Musa rebah pengsan, tetapi hati mereka tidak juga lembut dan tidak juga melahirkan degup takut dan taqwa.

Hati mereka terus keras, pejal, kering dan kufur. Oleh sebab itulah al-Qur'an menyebutkan ancaman kepada mereka, "Dan Allah tidak sekali-kali lalai daripada segala tindak tanduk kamu" "kamu" dalam ayat di atas bermaksud orang Yahudi, yang telah diperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Allah seperti menghidupkan orang mati, dalam peristiwa yang terjadi pada zaman nabi Musa A.S., namun mereka tetap juga tidak mahu memahami dan mereka tetap juga dengan kedegilannya. Allah S.W.T. mengumpamakan hati-hati orang Yahudi (Bani Israil) itu, keras seperti batu malah lebih keras dari batu kerana batu, ada juga yang terpancar air mengalir ke sungai, ada juga yang pecah terbelah terpancar air darinya, dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah. Tetapi hati orang Yahudi itu lebih keras daripada batu. sifatnya berdolak-dalik, degil dan sentiasa menderhaka kepada Allah dan Rasul-rasulNya. (Syed Qutub. 1989 : 299).

3.1.5 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 146:

nabi Isa A.S., berlaku perpecahan. Sebahagian besar kaum Yahudi enggan beriman kepada nabi Isa A.S., dan menuduhnya anak zina. Dan yang sebahagian lagi menjadi pengikut nabi 'sa A.S, dan terkenal dengan kaum Nasrani (Kristian). Golongan Kristian ini beriman kepada nabi Isa A.S., secara sesat, dan berpecah kepada beberapa golongan, Ada yang mensifatkan nabi 'Isa A.S., sebagai “Tuhan” ada yang mensifatkannya sebagai “Anak Tuhan” dan ada pula yang mensifatkannya sebagai “salah satu dari tiga tuhan”. Kesemuanya itu kufur dan syirik. Dan terdapat juga golongan yang menegaskan bahawa Isa A.S., itu hamba Allah dan pesuruh Allah; golongan inilah yang benar dan sesuai dengan iktikad dan ajaran Islam .

Orang-orang Yahudi mengatakan “Uzair” anak Tuhan dan orang-orang Nasrani (Kristian) mengatakan Nabi 'Isa Al-Masih anak Tuhan , dan orang-orang kafir yang lain pula mengatakan malaikat itu anak perempuan Tuhan. Maha suci Allah dari apa yang mereka katakan.

Tafsir Pimpinan Al-Rahman (1988 : 32) menerangkan orang-orang Yahudi (pendita-pendita dan penulis-penulisnya) telah melakukan tiga kesalahan besar :

Pertama : Meminda isi kitab Taurat dengan mengubah keterangan tentang sifat-sifat Nabi Muhammad S.A.W. yang tersebut di dalam Kitab Taurat itu.


Ke dua : Berdusta atas nama Allah dengan rekaan-rekaan yang mereka tulis sendiri.

Ke tiga : Mengambil upah atas kerja-kerja jenayah yang mereka lakukan itu.

Oleh kerana itu Allah janjikan mereka dengan azab neraka kerana kekufuran mereka

kepada Allah dan rasul-rasulnya. Kaum Yahudi telah dilaknat oleh Allah Azza wa Jalla dan akibatnya mereka sentiasa ditimpa bala bencana dan tidak menemui selamat di sepanjang sejarahnya, seperti Allah jelaskan dalam ayat-ayat berikut :

Firman Allah S.W.T., surah al-Baqarah ayat 93



Bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa Kami angkatkan bukit tursina itu ke atas kamu (sambil Kami berfirman) : Ambillah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepada kamu dengan mematuhiinya)” mereka menjawab : “ Kami dengar, dan kami menderhaka”. Sedangkan kegemaran mereka menyembah (patung) anak lembu itu telah mesra dan sebati di dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (wahai Muhamma) : “Amatlah jahatnya apa yang disuruh oleh iman kamu itu kalaulah kamu orang-orang yang beriman”.


Sebenarnya kamu (hai kaum Yahudi) bukanlah orang-orang yang beriman. Kalau kamu

beriman kepada Kitab Taurat maka Kitab Suci itu tidak menyuruh kamu membunuh Nabi-nabi dan menyembah patung anak lembu, dan tentulah kamu tidak akan tergamak mengingkari Nabi Muhammad S.A.W. dan Kitab Suci al-Qur'an.

(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 37)

Dalam Kitab Taurat dan Kitab Injil ada disebutkan bahawa Allah Taala akan mengutuskan seorang Nabi dari keturunan Nabi Isma'il A.S., iaitu Nabi Muhammad S.A.W., dengan membawa agama Islam, agama Nabi Ibrahim A.S., hakikat ini diketahui oleh kaum Yahudi dan Nasrani (Kristian), terutamanya pendita-pendita mereka, tetapi mereka masih mengingkarinya bahkan mereka telah menyembunyikannya dengan mengubah dan memutarbelitkan maksud keterangan-keterangan di dalam Kitab Taurat itu. Perbuatan mereka itu telah didedahkan oleh Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 140 dan dalam ayat-ayat lain.

Firman Allah Al-Baqarah : 140




Bermaksud : “Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail,

dan Nabi Ishaq, dan Nabi Ya'aqub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal agama mereka telah pun ada sebelum adanya agama Yahudi atau agama Kristian itu) ? Katakanlah (wahai Muhammad) : Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah ? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya? Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah kamu lakukan. (Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 53 –54)

Orang-orang Yahudi itu sebenarnya tidak beriman kepada kandungan Kitab Taurat yang menyebutkan tentang Nabi Muhammad S.A.W., dan kebenarannya sebagai pesuruh Allah. Ini bermakna mereka telah mengingkari Kitab Allah itu, dan menunjukkan kekufuran mereka. Dan mereka menolak agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. itu dengan alasan bahawa jawatan Nabi itu hanya tertentu bagi kalangan Bani Isra:il sahaja, mereka mendakwa orang-orang Yahudi dan Kristian sahajalah yang masuk syurga dan bermacam-macam dawaan mereka lagi. Dakwaan mereka itu telah ditolak oleh Allah Taala dengan ayat 139 surah al-Baqarah dan ayat-ayat yang lain.

Firman Allah S.W.T. Al-Baqarah : 139





Ertinya : “ (Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain daripada Allah (untuk menjadi), sekutu-sekutu (Allah) mereka mencintainya , (memuja dan menta’atinya), sebagaimana mereka mencintai Allah, sedangkan orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat ‘azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu)” (Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 63).


Tasybih dalam ayat di atas ialah :



Bermaksud : Orang-orang musyrikin mengasihi atau cinta kepada berhala-berhala mereka seperti orang-orang mukmin mencintai Allah.”

Analisis Tasybih

Musyabbah :  (cinta mereka, yakni cinta orang musyrikin

Musyabbah Bih :  terhadap tuhan-tuhan mereka)
(cintakan Allah, orang mukmin
kepada Allah)

Adat tasybih : (seperti)

Wajh syabah : - (tiada)

Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih Mursal Mujmal*” sebab ada *adat -tasybih* dan tidak dinyatakan *wajh syabah*nya.

Keterangan Ayat :

Di kalangan manusia terdapat orang-orang yang menyembah bermacam-macam tuhan selain daripada Allah. Di masa penurunan al-Qur‘an mereka mempercayai tuhan berupa batu-batu, pokok-pokok, bintang-bintang, planet-planet, malaikat-malaikat, atau syaitan-syaitan. Tuhan-tuhan mereka itu di zaman Ja:hiliah adalah berupa benda-benda, tokoh-tokoh, lambang-lambang, perhitungan-perhitungan atau pandangan-pandangan, semua perbuatan yang sedemikian merupakan syirik khafi (tersembunyi) atau syirik zahir (jelas) apabila disebut disamping nama Allah dan dipersekutukan oleh seseorang di dalam hatinya dengan kasih kepada Allah. Dan bagaimana pula apabila dia mencabut kasih kepada Allah dari dalam hatinya dan memberi seluruh kasihnya kepada tuhan-tuhan itu, (selain dari Allah).

Orang-orang mukmin tidak menyintai sesuatu sama dengan cinta mereka kepada Allah, sama ada sesuatu itu diri mereka sendiri atau orang lain, sama ada tokoh-tokoh, lambang-

lambang atau nilai-nilai yang dikejar oleh manusia. Orang-orang yang beriman amat cinta kepada Allah, cinta mereka kepada Allah lebih besar daripada segala cinta yang mereka berikan kepada yang lain. (Syed Qutub :1989 : 623)

Muhammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981 :111) menerangkan ada di antara manusia yang sangat tinggi tahap kejahilannya, mempersekutukan atau menyamakan Allah dengan ketua-ketua, dan berhala-berhala mereka. Mereka memuliakan ketua-ketua dan berhala-berhala. Mereka patuh, tunduk dan cinta kepada ketua dan berhala itu, sama seperti orang mukmin patuh dan cinta kepada Allah. Dan sebenarnya cinta orang mukmin kepada Allah adalah berlebihan dari cinta orang musyrikin kepada tuhan-tuhan mereka.


3.1.7 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 171



Ertinya : Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu) samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja, mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta, oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalunya. (Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 6).


Terdapat dua tasybih dalam ayat 171 di atas:


i)



(umpama orang kafir seperti pengembala menyeru binatang ternakan, tidak mendengar selain dari panggilan dan seruan sahaja).

Analisis Tasybih

Musyabbah :  (orang-orang kafir)

Musyabbah bih :  (tidak mendengar, selain jeritan dan seruan sahaja / menyeru binatang ternakan)

Adat tasybih :  (umpama seperti)
Wajh syabah : - (tiada)

Ditasybihkan orang-orang kafir seperti binatang-binatang yang hanya dapat mendengar suara teriakan tanpa memahami pengertian dan maksud yang dilaungkan. Tasybih ini dinamakan “*Tasybih Mursal dan Mujmal*” kerana ada *adat tasybih* dan tidak dinyatakan *wajh syabah*nya.

kebenaran, dan seperti orang bisu dan buta sebab tak mahu mengambil manfaat dari al-Qur'an.

Dalam ayat ini, Allah menerangkan bahawa orang-orang kafir, iaitu orang-orang yang sengaja mengingkari dan tidak mahu menerima perkara yang mereka telah ketahui kebenarannya dengan keterangan-keterangan yang cukup. Mereka tidak dapat menerima kebenaran dan tidak mendengar nasihat dan pengajaran, apa lagi melihat tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah yang membawa kepada iman.


Muhammad Ali Al-Sa:bu:niyy (1981:114) menjelaskan, Allah S.W.T. mengumpamakan atau menyamakan orang-orang kafir yang tidak mahu langsung mengambil manfaat daripada hujah-hujah dan bukti-bukti yang jelas yang dinyatakan di dalam al-Qur'an, dan tidak juga menerima seruan dakwah yang membawa kepada petunjuk yang benar itu, samalah seperti binatang yang tidak mengerti erti panggilan, atau seruan pengembalanya.

Dalam ayat ini Allah menyeru, atau mengajak orang-orang kafir kepada petunjuk Allah dan beriman kepada Allah samalah seperti penternak yang menjerit-jerit memanggil kambing-kambingnya atau binatang ternakannya sedangkan binatang itu hanya mendengar bunyi teriakan itu sahaja tanpa memahami makna perkataan yang dilaungkan itu dan maksud yang dikehendakki oleh tuannya atau penternak itu. Orang-orang kafir itu seperti binatang yang merangkak di bumi tidak dapat memahami apa-apa yang diserukan dan diucapkan kepadanya, mereka mendengar bacaan al-Qur'an tetapi mereka

pekakkan telinga mereka dari memahaminya.

Oleh kerana itu Allah menyatakan, mereka pekak daripada mendengar perkara yang benar, bisu daripada bertutur perkara yang haq, dan buta daripada melihat perkara yang sebenarnya, mereka tidak memahami perkara (kebenaran) yang diperkatakan kepada mereka, kerana mereka telah jadi seperti haiwan yang merangkak di bumi, keadaan mereka amat sesat sekali.

3.1.8 Firman Allah Dalam Surah al-Baqarah Ayat 183



Ertinya : “Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu agar kamu bertaqwa”.


(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 69).



Tasybih dalam ayat di atas ialah



(difardhukan ke atas kamu puasa seperti difardhukan ke atas mereka sebelum kamu).

Analisis Tasybih

Musyabbah : 
(difardukan ke atas kamu)

Musyabbah bih 

(difardhukan ke atas mereka sebelum kamu)

Adat tasybih : (seperti)

Wajh sybah : - (tiada)

Tasybih di atas dinamakan “ *Tasybih Mursal Mujmal* ” kerana ada *adat tasybih* dan tiada dinyatakan *wajh sybahnya*.

Keterangan Ayat :


Allah S.W.T. menyeru orang-orang yang beriman dengan lafaz iman adalah untuk menggerakkan perasaan ta'at dan untuk menyalakan bara keimanan. Telah difardukan ke atas kamu puasa bulan Ramadan, sebagaimana telah difardukan ke atas umat-umat yang terdahulu dari kamu, untuk menjadikan kamu orang-orang yang bertaqwa kepada Allah dan menjauhkan perkara-perkara yang diharamkan Allah.

(Muhammad Ali al-Sa bu:niyy : 1981 : 121)

Di dalam ayat di atas Allah menyamakan kefarduan berpuasa ke atas orang-orang yang beriman sama seperti mana Allah telah fardukan ke atas umat-umat yang terdahulu, persamaan ini bukan pada cara atau kaifiat berpuasa itu, tetapi **tasybih pada kefarduan**

puasa itu.

3.1.9 Firman Allah Dalam Surah al-Baqarah Ayat 200



Ertinya: “Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkannya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata :“Wahai Tuhan kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia”. (Orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat.”



(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 76-77).

Tasybih dalam ayat di atas ialah pada :



(maka ingatilah Allah seperti kamu mengingati datuk nenek kamu)

Analisis Tasybih:

Musyabbah :  :  (ingatilah Allah)

Musyabbah bih :



(kamu mengingati

datuk nenek kamu)

Adat tasybih

(seperti)

Wajh syabah

-

(tiada)


Tasybih di atas dinamakam **“Mursal Mujmal”**

Keterangan Ayat :

Apabila kamu telah menunaikan ibadat haji, sebutlah, ingatlah Allah dengan sebutan yang sebaik-baiknya, seperti kamu mengingati dan menyebut-nyebut datuk nenek kamu pada zaman Ja:hiliah, malahan ingatlah Allah lebih lagi daripada mengingati datuk nenek kamu. (Muhammad Mahmud Hija:zi. 1960 : 35)

Muhammad Ali al- Sa:bu:niyy (1981 : 130) menjelaskan apabila engkau sudah menunaikan ibadah haji maka perbanyakkanlah menyebut, mengigati Allah dengan bersungguh-sungguh, seperti engkau menyebut-nyebut dan membangga-banggakan datuk nenek engkau; malahan lebih lagi. Ahli tafsir berkata: Setelah mereka mengerjakan ibadah; mereka berhenti di Mina, iaitu di antara bukit dan masjid, maka mereka mula menyebut-nyebut kemegahan datuk nenek mereka, menyebut kemasyhuran dan keelokan zaman datuk nenek mereka. Oleh kerana itu mereka diperintahkan supaya menyebut Allah yang Esa.


3.1.10 Firman Allah Surah Al-Baqarah Ayat 219



Bermaksud : “ Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi, Katakalah: “ Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfa’at bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfa’at” Dan mereka bertanya pula kepadamu : apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan) ? Katakanlah :

“ (Dermakanlah – apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu) “. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir: “

Tasybih dalam ayat di atas



(seperti demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepada kamu)

Analisis Tasybih

Musyabbah : (demikianlah Allah terangkan manfaat dan mudarat)

Musyabbah bih :
← × ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩ ⑪ ⑫ ⑬ ⑭ ⑮ ⑯ ⑰ ⑱ ⑲ ⑳ ㉑ ㉒ ㉓ ㉔ ㉕ ㉖ ㉗ ㉘ ㉙ ㉚ ㉛ ㉜ ㉝ ㉞ ㉟ ㊀ ㊁ ㊂ ㊃ ㊄ ㊅ ㊆ ㊇ ㊈ ㊉ ㊊ ㊋ ㊌ ㊍ ㊎ ㊏ ㊐ ㊑ ㊒ ㊓ ㊔ ㊕ ㊖ ㊗ ㊘ ㊙ ㊚ ㊛ ㊜ ㊝ ㊞ ㊟ ㊠ ㊡ ㊢ ㊣ ㊤ ㊥ ㊦ ㊧ ㊨ ㊩ ㊪ ㊫ ㊬ ㊭ ㊮ ㊯ ㊰ ㊱ ㊲ ㊳ ㊴ ㊵ ㊶ ㊷ ㊸ ㊹ ㊺ ㊻ ㊼ ㊽ ㊾ ㊿

⦿ ⌚ ⬠ Ⓜ Ⓝ Ⓞ Ⓟ Ⓠ Ⓡ Ⓢ Ⓣ Ⓤ Ⓥ Ⓦ Ⓧ Ⓨ Ⓩ ⓐ ⓑ ⓓ ⓔ ⓕ ⓖ ⓗ ⓘ ⓙ ⓚ ⓛ ⓜ ⓝ ⓞ ⓟ ⓠ ⓡ ⓢ ⓣ ⓤ ⓥ ⓦ ⓧ ⓨ ⓩ ⓪ ⓫ ⓬ ⓭ ⓮ ⓯ ⓰ ⓱ ⓲ ⓳ ⓴ ⓵ ⓶ ⓷ ⓸ ⓹ ⓺ ⓻ ⓼ ⓽ ⓾ ⓿
(Allah terangkan ayat-ayatNya itu
hukum halal, haram)

Adat tasybih

(seperti)

Wajh syabah

-


Dalam ayat di atas Allah nyatakan ayat-ayat Nya iaitu tanda-tanda hukum-hukum itu sama ada halal atau haram ialah pada manfaat dan mudaratnya, Allah tasybihkan manfaat dan mudarat dengan hukum halal dan haram. Tasybih ini ialah **Tasybih Mursal Mujmal**.

Keterangan Ayat

Muhammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981 : 140) menjelaskan Nabi Muhammad S.A.W. telah ditanya tentang hukum arak dan hukum judi. Allah berikan jawapanNya iaitu arak dan judi itu membawa kemudaratanya dan berdosa besar; manfaatnya hanya sedikit sahaja. Kemudaratan arak dan judi lebih banyak dan lebih besar daripada manfaatnya. Kerana meminum arak boleh menghilangkan akal, menghabiskan harta, membahayakan kesihatan fizikal; sementara judi pula boleh meruntuhkan rumah tangga, mpurak-perandakan ikatan kekeluargaan, menimbulkan permusuhan antara pemain-pemain judi tersebut. Semuanya itu menunjukkan bahawa arak dan judi itu memanglah perkara yang boleh membawa seseorang manusia itu ke arah keburukan dan kekejian oleh kerana itu kedua-duanya diharamkan.

Kemudian Nabi Muhammad S.A.W. ditanya pula tentang harta yang perlu mereka belanjakan . Kata Allah: “Beritahu mereka : Belanjakanlah yang lebih daripada keperluan kamu. Demikianlah Allah menerangkan hukum-hukumNya, dinyatakan manfaat dan mudaratnya demikian juga halal dan haramnya”.

3.1.11 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 222



Ertinya : “Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah : “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat” . Oleh itu hendaklah kamu menjauhkan diri daripada perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu . Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 85).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :

③ ❄️ ① □ 📖 ◆ □ → Ω ↗️ ↘️ → 🔔 📞
(Katakanlah, ianya sakit)

Analisis Tasybih

Musyabbah : ◆ □ → Ω (ianya, yakni haid itu)

Musyabbah bih : ③ ❄️ ① □ 📖 (kena sakit)

Adat tasybih : - (tiada)

Wajh syabah : - (tiada)


Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih Bali:gh*” kerana dibuang *adat tasybih* dan *wajh syabah*nya, maksudnya haid itu sesuatu yang berlumur dengan kekotoran seperti penyakit.

Keterangan Ayat :

Adat orang-orang Arab apabila perempuan mereka datang haid, perempuan itu tidak diberi makan, tidak diberi minum, dan tidak diberikan tempat tinggal, sama seperti yang dilakukan oleh orang Yahudi dan Majusi. Abu al-Dardak, bertanya kepada Rasulullah S.A.W., tentang perempuan yang kedatangan haid. Maka turunlah ayat di atas menerangkannya, bahawasanya haid itu adalah sesuatu yang kotor dan sakit. Oleh kerana itu jauhilah daripada menggauli (bersetubuh) dengan perempuan yang sedang kedatangan haid. (Abdullah bin Ahmad : 1936 : 142)

Nabi Muhammad S.A.W., telah ditanya; Adakah halal atau haram menggauli perempuan yang sedang kedatangan haid ?. Jawabanya seperti yang di terangkan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya haid itu sesuatu yang kotor, dan bergaul (bersetubuh) dengan isteri yang sedang kedatangan haid boleh mendatangkan penyakit kepada suami isteri. Maka janganlah menggaulinya sehingga kering haidnya dan bersuci dengan mandi hadas besar. (Muhammad Ali al-Sa:bu:niyy 1981 : 141)

3.1.12 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 261 :



Ertinya : Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 104).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :





(Bandingan orang yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah, seperti perumpamaan sebiji benih yang tumbuh tujuh tangkai dan setiap tangkai mengeluarkan seratus biji

Analisis Tasybih :

Musyabbah : 


(membelanjakan harta ke jalan Allah)

Musyabbah bih : 


(umpama sebiji benih yang tumbuh tujuh tangkai)

Adat tasybih : (seperti)


Wajh syabah : - (tiada)

Tasybih ini dinamakan “*Tasybih Mursal Mujmal*” kerana dinyatakan *adat tasybih* dan tidak dinyatakan *wajh syabah*nya.

Muhammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981 : 168) menyatakan pendapat Ibnu Kathir : Ini adalah perbandingan dimana Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang membelanjakan hartanya kepada jalan Allah dan mencari keredhaan Allah, kebaikan itu digandakan setiap sepuluh kepada tujuh ratus kali ganda, bandingan perbelanjaan mereka itu seperti menanam sebiji benih, tumbuh tujuh tangkai dan setiap tangkai mengandungi seratus biji, menjadikan semuanya tujuh ratus biji.

Perbandingan yang dibuat tentang gandaan pahalanya itu ialah sekiranya perbuatan membelanjakan harta ke jalan Allah (bersedekah) itu dilakukan secara ikhlas. Allah berikan gandaan itu mengikut kadar keikhlasan pelakunya.

3.1.13 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 264 :




Ertinya Wahai orang-orang yang beriman ! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah

kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riyak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperi batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riyak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.



(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 106).



Tasybih dalam ayat di atas ialah :



(sedekah kamu yang menyebut-nyebut dan menyakitkan, perumpamaan seperti batu licin di atasnya debu tanah).



Analisis Tasybih :

Musyabbah :  : 
 (Jangan kamu rosakkan sedeqah kamu yang disebut-sebut,

Musyabbah bih :  : 
 dan menyakiti hati si penerima)
 (debu di atas batu licin)

Adat tasybih : (seperti)

Wajh syabah :



(batu licin, tidak boleh melekat apa-

apa pun)


Tasybih di atas di namakan “*Tasybih Tamthil*” kerana *wajh syabah*nya berbagai-bagai gambaran.

Ayat ini bermaksud membelanjakan harta dengan perasaan riyak (menunjuk-nunjuk) tidak akan mendapat pahala, kerana amalan tersebut tidak dilakukan kerana Allah.

(Abu Al-Hasan Ali bin Muhammad t.t : 265)

Mohammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981: 169) menjelaskan : Jangan kamu sia-siakan pahala sedekah kamu dengan menyebut-nyebut dan menyakiti perasaan si penerimanya, seperti orang yang menafqahkan hartanya dengan riyak; sia-sia amalannya itu disebabkan sifat riyaknya, kerana amalamnya itu bukan kerana mengharapkan pahala dari Allah dan takutkan balasanNya. Perumpamaan orang sedemikian ialah seperti batu licin di atasnya diliputi debu, yang disangkakan akan menjadi tanah yang subur, tetapi apabila ditimpa hujan lebat, terhakislah debu tersebut, tinggalah batu licin tanpa meninggalkan apa-apa walaupun sedikit habuk. Demikian juga orang munafiq yang menyangka mereka telah melakukan kebaikan, tetapi sebenarnya tidak ada pahala untuk mereka di hari akhirat, tidak membawa manfaat apa yang mereka lakukan. Allah tidak memberi mereka petunjuk ke jalan kebaikan dan kebenaran.


3.1.14 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 265 :



Ertinya : Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda, kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiramnya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.

(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 106).

Tasybih dalam ayat di atas ialah :



(mereka yang membelanjakan harta kerana mencari keredaan Allah, seperti sebuah kebun di atas tempat tinggi) yang ditimpa hujan lebat, mengeluarkan hasil dua kali ganda, kalau ditimpa hujan renyai pun, sudah memadai untk menyiraminya.

Analisis Tasybih :


Musyabbah : 

(mereka yang membelanjakan harta, kerana mencari keredaan Allah)

Musyabba *bih* : 

(sebuah kebun di tempat tinggi)

Adat tasybih :  (umpama bandingan)

Wajh syabah 


(disirami hujan, mengeluarkan hasil berlipat ganda)

Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih Tamthil*” kerana *wajh syabah*nya terdiri dari berbagai-bagai gambaran.

Keterangan Ayat :

Mohammad Ali al-Sa:bu:niyy (1981 : 169) menjelaskan Allah membuat perbandingan yang lain pula bagi orang-orang mukmin yang membelanjakan hartanya benar-benar mengharapkan keredhaan Allah, untuk keteguhan jiwa mereka, dan mendapatkan pahala. Allah umpamakannya seperti sebuah kebun yang terletak di atas tanah tinggi yang dipenuhi dengan pokok-pokok yang subur merendang, dan berbuah lebat. Apabila disirami hujan lebat, ia akan mengeluarkan buah yang berlipat ganda, malahan hujan renyai pun sudah memadai. Allah S.W.T. tidak menyembunyikan setiap amalan hambaNya.

3.1.15 Firman Allah Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 275 :




Ertinya : Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu.Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan :

“Bahawa sesungguhnya berjual beli (berniaga) itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari tuhanNya lalu ia berhenti (dari mengambil riba) maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Tafsir Pimpinan al-Rahman : 1988 : 110).

Tasybih dalam ayat di atas ialah


(Sesungguhnya jual beli itu umpama riba)

Analisis Tasybih

Musyabbah :  (jual beli)

Musyabbah bih :  (riba)

Adat tasybih :  (umpama)

Wajh syabah : - (tiada)

Tasybih di atas dinamakan “*Tasybih al Maqlu:b*” kerana terbalik, *musyabbah* jadi *musyabbah bih* dan *musyabbah bih* jadi *musyabbah*, dijelaskan asalnya



Ertinya : Riba seperti jual beli. *Wajh syabah* lebih kuat dan jelas pada *musyabbah*.

Tetapi oleh kerana iktiqad atau kepercayaan mereka yang melampau, sehingga menghalalkan riba itu, maka ditasybihkan jual beli seperti riba.

Keterangan ayat :

Ayat ini bermaksud : Mereka yang mengamalkan riba, menghisap darah manusia, akan bangun dari kuburnya di hari qiamat nanti keadaannya seperti orang gila sawan, jatuh tersungkur, terhuyung-hayang, tidak dapat berdiri dengan stabil, keji dan aib. Pembalasan itu disebabkan mereka menghalalkan perkara yang telah diharamkan oleh Allah S.W.T. Kata mereka riba samalah seperti jual beli, kenapa pula haram ? Sebagai menolak dakwaan mereka itu, Allah berfirman, ertinya : “ Allah halalkan jual beli dan haramkan riba ” Jual beli dihalalkan kerana bertukar ganti barang yang memberi manfaat, sedangkan riba membawa mudarat dan menyusahkan individu dan masyarakat.

(Muhammad Ali l-Sa:bu:niyy : 1981 : 174).

Sesungguhnya mereka itu bangun di hari kiamat nanti, mencakar-cakar, seperti orang kena sawan, kerana mereka makan riba maka Allah tambahkan perut mereka sehingga menjadi telalu berat dan tidak terbawa. Demikianlah balasan disebabkan mereka mengatakan jual beli sama seperti riba, dengan sebab itu mereka halalkan riba.

(Al-Zamakhsyari : 1977 : 399)

R.H.A. Soenarjo S.H. (1971 : 69) menjelaskan riba itu ada dua macam : Nasiah dan Fadhl. Riba Nasiah ialah pembayaran lebih yang disyaratkan oleh orang yang meminjamkan. Riba Fadhl ialah penukaran suatu barang dengan barang yang sejenis,

tetapi lebih banyak jumlahnya kerana orang yang menukarkan, mensyaratkan demikian, seperti penukaran emas dengan emas, padi dengan padi dan sebagainya. Riba dalam ayat di atas ialah riba nasiah yang berlipat ganda dan umum yang terjadi dalam masyarakat Jahiliah. Orang yang mengambil riba itu tidak tenteram, jiwanya seperti orang kerasukan syaitan, demikian balasan dari Allah S.W.T. terhadap pengamal riba.

3.2 Kesimpulan

Setelah diamati dan diteliti hanya terdapat **lima belas ayat** sahaja daripada surah al-Baqarah yang ada mengandungi tasybih dan terdapat dua tasybih pada ayat 171, menjadikan sebanyak **enam belas tasybih** dalam surah al-Baqarah. Ayat-ayat tasybih dalam surah al-Baqarah itu dapat dirumuskan mengikut bahagian tasybihnya, seperti berikut iaitu tujuh daripadanya terdiri dari *tasybih mursal mujmal*, empat *tasybih tamthil*, tiga *tasybih baligh*, satu *tasybih mursal mufassal*, dan satu *tasybih maqlub*. Tidak terdapat *tasybih dimniy*, *tasybih ghair dimniy*, *tasybih muaakkad*, *tasybih ghair tamthil*, dan *tasybih ghair maqlub*, di dalam surah al-Baqarah. Allah S.W.T. buat bandingan dalam tasybih-tasybih dalam surah al-Baqarah itu untuk menceritakan dan mededahkan tentang kesah orang-orang munafiq, orang-orang musyrikin, pengkhianatan orang Yahudi dan Nasrani, kesesatan orang-orang kafir, kefarduan berpuasa, keadaan orang-orang Jahiliah, hukum judi, arak, perempuan yang kedatangan haid, kelebihan bersedekah dengan ikhlas kerana Allah, sedekah dengan perasaan riyak dan menyebut-but pemberian serta menyakiti penerimannya, orang yang membelanjakan harta hanya untuk mendapat keredaan Allah dan orang yang menghalalkan riba. Allah

ceritakan kesah-kesah di atas dalam ayat yang cukup indah, dalam bentuk perumpamaan dan bandingan. Di dalam bab seterusnya akan dinyatakan pula mutu tasybih tersebut dalam penyampaian maksud, faedah, dan kesan kepada pembaca dan pendengar.